



SIARAN AKHBAR UNTUK SIARAN SEGERA

Theta Telecoms dan MCMC siap membina 46 menara telekomunikasi di Terengganu

Kuala Terengganu, 9 Julai 2024 – Perkhidmatan rangkaian telefon dan capaian internet 4G yang disediakan menerusi Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC) di negeri Terengganu akan memanfaatkan penduduk di negeri Terengganu sekaligus mentransformasikan kehidupan penduduk setempat dalam mengharungi era digital yang semakin pesat. Theta Telecoms Sdn Bhd anak syarikat kepada Theta Edge Berhad telah dilantik bagi pembinaan 46 menara baharu telekomunikasi kluster 35,37 dan 38 di negeri Terengganu dan telah berjaya menyelesaikan kesemua pembinaan menara baharu tersebut di bawah inisiatif JENDELA fasa 1. Majlis Pemuktamadan Pembinaan 46 Menara Telekomunikasi Baharu Pelan Jendela Fasa 1 di negeri Terengganu adalah sebagai meraikan pencapaian 100 peratus pelaksanaan tapak Jendela Fasa Satu yang sudah siap dibina dan dibangunkan oleh Theta Telecoms Sdn Bhd pada tahun 2023.

Penyediaan perkhidmatan akses jalur lebar yang kondusif adalah keutamaan dalam menuju ke arah era pendigitalan khususnya di negeri Terengganu kerana capaian Internet dapat memudahkan urusan harian rakyat, meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat setempat serta memperkukuhkan keyakinan pelabur khususnya sektor perindustrian melalui pembangunan ekonomi digital. Pembinaan menara baharu ini juga akan memberi manfaat kepada penduduk setempat dari segi peningkatan capaian Internet dan komunikasi.

“Theta memahami kepentingan projek tersebut dan berharap usaha itu dapat membantu operator rangkaian mudah alih memperluaskan liputan 4G di kawasan luar bandar sekaligus memanfaatkan pengguna. Sebagai syarikat yang membangun, kami berbesar hati kerana dapat merealisasikan agenda kerajaan dalam memperluaskan kesalinghubungan digital untuk rakyat di negeri ini. Kami berbangga dapat menjadi rakan strategik bagi inisiatif ini dan menawarkan kepakaran dalam menyediakan kemudahan infrastruktur.” Kata ketua pegawai eksekutif kumpulan Theta, Datuk Nuraslina Zainal Abidin.

Penglibatan pihak MCMC bukan sahaja memainkan peranan sebagai pengawal selia untuk projek JENDELA, tetapi juga sebagai pemudah cara untuk kita berinteraksi dan bekerjasama dengan pelbagai pihak.

Pada masa yang sama, Theta Telecoms Sdn Bhd melancarkan Dokumentari Pembinaan Menara Telekomunikasi di Pulau Tenggol. Dokumentari yang berdurasi lima belas minit ini memaparkan perjalanan kapal tongkang yang membawa peralatan menara ke Pulau Tenggol mengambil masa selama 150 jam, meliputi jarak sejauh 83.3 kilometer dari jeti di Kuala Terengganu dan menara setinggi 60 meter ini berjaya dibina dalam tempoh tiga bulan. Ketua Theta Telecoms Sdn Bhd Zahari Abdul Jalil berkata, dengan adanya infrastruktur telekomunikasi di Pulau Tenggol, ia dapat mengurangkan jurang digital serta membantu mengangkat potensi pulau tersebut sebagai kawasan pelancongan.

Theta melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR) #thetaCares mengambil kesempatan ini dengan mengagihkan 10 buah unit komputer ke Sekolah Kebangsaan Sura, Dungun Terengganu. Inisiatif yang akan memanfaatkan pelajar-pelajar, sejajar dengan komitmen #thetaCares mengimbangi keuntungan dan pelaburan sosial terutamanya komitmen syarikat ke arah membiayai pendidikan, peningkatan pengetahuan digital dan celik IT.

TAMAT

Azzatullina Pawanchik | azzatullina.pawanchik@theta-edge.com
Rashid Ramli | rashid.ramli@theta-edge.com

Komunikasi Strategik Kumpulan, Theta Edge Berhad

Mengenai Theta Edge Berhad

Theta Edge Berhad ("Theta Edge Berhad") ialah salah satu Perintis Pembekal Perkhidmatan Komunikasi dan Teknologi Maklumat (ICT) Malaysia dengan kehadiran pasaran melebihi daripada 30 tahun. Segmen perniagaan Kumpulan terdiri daripada Komunikasi Maklumat dan Integrasi Teknologi & Sistem, Perkhidmatan Kejuruteraan Telekomunikasi & Kerja Awam, Penyelesaian Mobiliti dan Perkhidmatan Perundingan Infrastruktur Tenaga Hijau & Alam Sekitar.

Untuk butiran lanjut, sila lawati tapak web kami www.theta-edge.com